

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22/10/1982

CHOGRM forum berguna luaskan hubungan Malaysia

KUALA LUMPUR 21 Okt. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Persidangan Serantau Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGRM) di Fiji minggu lalu adalah satu forum yang berguna bagi Malaysia yang mahu meluaskan hubungan dengan negara-negara Pasifik Selatan.

Perdana Menteri menambah bahawa CHOGRM sendiri adalah berfaedah kerana ia membolehkan terutama negara-negara kecil menyuarakan masalah-

masalah mereka secara terbuka.

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan persidangan CHOGRM kali ketiga itu sebagai sidang kemuncak kerana ia dihadiri oleh 14 dari 17 ketua kerajaan yang menganggotai pertubuhan tersebut.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai sidang itu di Suva Fiji baru-baru ini. Beliau kembali ke tanahair malam tadi selepas lawatan dua hari ke Papua New Guinea dalam perjalanan pulang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata "masa berehat" selepas dua hari persidangan yang turut dihadiri oleh para pegawai membolehkannya menemui pemimpin-pemimpin lain secara peribadi antaranya ialah Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew.

Mengenai rombongan perdagangan yang menyertai beliau, Datuk Sri Dr. Mahathir percaya bahawa anggota-anggota rombongan itu telah menemui beberapa peluang terbuka untuk mereka.

"Bagaimanapun, adalah perlu untuk menubuhkan

saluran hubungan yang tetap", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata anggota-anggota itu bercadang membuka sebuah pejabat di Fiji sebagai pengkalan untuk menentukan projek-projek yang mereka ingin melibatkan diri dan mewujudkan cara mengadakan kerjasama dengan penduduk-penduduk negara itu.

Ditanya mengenai pernyataan bersama terutama mengenai Kampuchea, Perdana Menteri berkata banyak tawar-menawar kerana India mengiktiraf rejim Heng Samrin yang disokong oleh Vietnam.

Katanya apa yang Malaysia mahu ialah menyebut

dalam pernyataan itu kewujudan kerajaan campuran demokratik Kampuchea.

"Kita mencurigai kejujuran Vietnam apabila ia berkata tentang kesanggupannya menarik keluar tenteranya dari Kampuchea.

"Bagaimanapun, kita sedia mengakui bahawa Vietnam membuat pengumuman itu", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah bahawa "sehingga peringkat itu kita boleh bersetuju".

India, katanya menerima hakikat tentang kewujudan sebuah kerajaan campuran yang ditauliahkan ke Bangsa-Bangsa Bersatu tanpa dipertikaikan oleh sebarang negara.

Perdana Menteri berkata sama ada dapat dibuktikan terdapat penarikan sebenarnya tentera Vietnam dari Kampuchea adalah satu perkara. Tetapi hakikat yang sebenarnya terdapat sebuah kerajaan campuran di Kampuchea.

Beliau memberitahu bahawa perkara yang menafik dalam sidang itu ialah pandangan-pandangan yang berbeza.

Sebagai contoh, Perdana Menteri Australia Malcolm Fraser mengesyorkan bahawa Amerika Syarikat boleh melindungi negara-negara bebas.

Kiribati pula menyoal kejujuran Amerika Syarikat yang begitu keberatan untuk menandatangani satu perjanjian persahabatan dengannya.

Mengenai penangguhan lawatannya ke Jepun yang pada mulanya dijadualkan Ahad ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata masalah untuk berunding mungkin timbul kerana tidak pasti siapakah yang akan menjadi Perdana Menteri.